

# Pandangan Kritis Pengarang Majalah Pengasuh Terhadap Jatidiri Melayu-Islam

Oleh: Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid\*

## ABSTRAK

*Majalah Pengasuh adalah antara majalah bercorak agama yang terawal diterbitkan dan paling lama bertahan di Tanah Melayu. Keistimewaan majalah ini adalah pada keupayaan kelangsungan penerbitannya yang bermula dari 1918 hingga ke hari ini. Sejak dari awal penerbitannya lagi, Pengasuh memperjuangkan nilai dan semangat bangsa Melayu yang berteraskan Islam. Keluhan dan kerisauan tentang nasib bangsa Melayu disuarakan oleh ramai pengarang Pengasuh sejak dari tahun-tahun awal penerbitannya lagi. Selain itu, gagasan pemikiran yang terkandung dalam Pengasuh merupakan pandangan tajam para ulama' dan cendiakawan Melayu terbilang. Gagasan yang dibawa amat mempengaruhi pemikiran khalayak pembaca Melayu sehingga membangkitkan kesedaran yang menyeluruh dalam kehidupan mereka. Oleh kerana itu, kertas ini akan cuba meninjau dan membincangkan kembali idea-idea besar pemikiran intelegensia Melayu untuk dikongsi bersama dalam usaha mencari kembali jatidiri Melayu yang mula sirna ditelan arus modenisasi. Semua kita mengakui bahawa kelangsungan Tamadun Malaysia haruslah berpaksi kepada ketuanan Melayu-Islam.*

## 1. Pendahuluan

Bangsa Melayu mula mendapat perhatian dunia di sebelah sini setelah kedatangan Islam di Melaka. Agama Islam telah membentuk sikap dan jatidiri Melayu yang tinggi sehingga lahir ramai sarjana Melayu-Islam yang berkualip dalam pelbagai bidang terutama dalam ilmu-ilmu Islam. Pada hari ini pelbagai isu yang berkaitan dengan nilai-

---

\* Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, MA, pensyarah di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

nilai murni dan jatidiri bangsa mula menjadi persoalan yang rumit untuk diselesaikan. Bangsa Melayu bagaikan sudah hilang ciri-ciri jatidiri bangsa dalam keghairahan mengejar kemajuan moden yang secara senyap menelan lebur budaya mereka.

Sebenarnya kerisauan ini tidaklah dialami oleh bangsa Melayu di Malaysia sahaja, sebaliknya nilai-nilai bangsa seluruh dunia mula terhakis dek gelombang modernisasi yang membawa ledakan baru dengan pelbagai budaya alternatif yang merosakkan. Kadangkala nilai-nilai baru ini menyerang generasi kita yang sedia rapuh dengan pegangan hidup melalui institusi dan program yang kita sendiri lakukan dalam bentuk “*corban copy*” oleh sesetangah pihak.<sup>1</sup>

## 2. Penerbitan Majalah Pengasuh

Majalah *Pengasuh* merupakan satu-satunya majalah tertua yang masih diterbitkan di Malaysia. Beberapa buah majalah lain yang diterbitkan sebelum dan sezaman dengannya seperti *al-Imam*, *Seri Pustaka*, *Masa* dan *Majalah Guru* sudah tidak diterbitkan lagi.<sup>2</sup> Sehingga hari ini, majalah *Pengasuh* telah memasuki usianya yang ke-92 tahun. Ianya merupakan suatu tempoh yang reletif panjang dalam sejarah penerbitan majalah di Malaysia. Penerbitan majalah *Pengasuh* merupakan antara aktiviti awal penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Dengan penubuhan itu, MAIK berjaya mengumpul golongan istana, pembesar negeri, para ulama dan cendiakawan untuk bekerjasama dalam penyebaran Islam, pengembangan pendidikan dan ilmu, meniupkan semangat kesedaran terhadap bangsa, mengembang-luaskan kegiatan penulisan dan persuratan. Akhirnya, MAIK berperanan sebagai pemangkin yang berkesan dalam mengendalikan pengajian peringkat tinggi secara halaqah di masjid Muhammadi, mewujudkan pengajian secara persekolahan di Madrasah Muhammadiyyah.

<sup>1</sup> Ismail Ibrahim (2006), “Islam Hadhari Dan Pembangunan Islam di Malaysia”, dalam Abdul Halim Mat Diah dan Faisal @ Ahmad Faisal, *Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 46.

<sup>2</sup> Abdul Razak Mahmud (1988), “Beberapa Catatan Tentang Majalah Pengasah (1918-1988)”, Majalah *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Bil. 493, Julai-Ogos 1988, h. 16.

Umumnya, kita dapat terdapat ‘trend’ yang begitu menonjol di kalangan ulama’ Kelantan yang begitu gigih untuk mempertabatkan Islam secara *realistic* berdasarkan masyarakat mereka ketika itu,<sup>3</sup> kecintaan mereka yang mendalam terhadap bangsa Melayu dan bercita-cita untuk melihat bangsa mereka bepegang teguh kepada agama dan maju di dalam politik dan ekonomi. Mereka mengambil sikap ‘mempengaruhi’ bukan ‘memaksa’, ‘memujuk’ bukan ‘mencerca’. Mereka sedia menerima perbezaan secara ilmiyyah, tetapi tidak suka kepada konflik yang melewati batas-batas keilmuan, sedang mereka teguh dengan pegangan dan amalan yang mereka yakini.<sup>4</sup> Semangat yang mengerakkan dinamisme adalah dorongan kasih, yang telah diungkap secara berpuisi:

*Kasihkan watan setengah iman                    Kasihkan kaum membenarkan persaudaraan  
Kasihkan agama teguh kepercayaan            Taatkan Allah menunaikan firman<sup>5</sup>*

Antara peranan utama MAIK adalah menterjemahkan kitab-kitab Arab (agama) ke dalam bahasa Melayu untuk kegunaan sekolah agama di bawah seliannya.<sup>6</sup> Untuk menrealisasikan hasrat tersebut MAIK berusaha mengadakan percetakan sendiri. Pada tahun 1917, MAIK telah mempunyai percetakan sendiri hasil dari pembelian sebuah mesin cetak yang dijual oleh seorang saudagar Cina. Di samping penerbitan buku agama MAIK juga telah menerbitkan sebuah majalah yang diberi nama *Majalah Pengasuh*. Majalah ini merupakan lidah rasmi MAIK yang diterbitkan pada hari Khamis bermula dari lhb. Syawal 1336 bersamaan llhb. Julai 1918. Majalah *Pengasuh* pada keluaran awalnya berukuran 8.1” lebar dan 12.6” panjang dengan mengandungi lapan halaman seperti majalah dan buku-buku yang terbit sezaman dengannya. Majalah *Pengasuh* menggunakan tulisan jawi dengan kekerapan terbit dua kali sebulan dengan harga 10 sen senaskhah pada ketika itu.<sup>7</sup>

<sup>3</sup> Bandingkan usaha yang lebih agresif yang dilaksanakan oleh Datuk Maha Menteri Kelantan sebagaimana yang dicatatkan oleh Hugh Clifford, yang kemudiannya diterjemahkan di dalam majalah *Pengasuh* pada tahun 1927.

<sup>4</sup> Abdullah Zaidi Hassan, (2005), “Kelantan Sebagai Bendaharaan Ilmu Dan Perlادungan Kepandaian: Tinjauan Awal Berdasarkan Kandungan Majalah Pengasuh 1918-1923”, dalam A. Aziz Deraman (ed.) *Peradaban Melayu Timur Laut: Memperkasakan Warisan Persuratan Melayu Wilayah Timur Laut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005, h.145

<sup>5</sup> Pengasuh , lhb. Nov 1921

<sup>6</sup> Penyata Tahunan MAIK bagi tahun 1988, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 2.

<sup>7</sup> *Ibid.*

Kemunculan Majalah *Pengasuh* amat bertepatan dengan keadaan di mana seluruh dunia Islam sedang memperkatakan tentang ledakan kebangkitan kemerdekaan dan memerlukan satu pendekatan dakwah Islamiah baru dalam membentuk rangka berfikir umat dari perspektif reformis atau tajdid. Dengan adanya medan baru ini, para lepasan al-Azhar dan institusi pengajian tinggi Islam yang lain bergabung tenaga mengajak umat Islam agar bangkit dari kelesuan yang panjang.

Di sepanjang usianya yang relatif panjang itu majalah *Pengasuh* telah dipimpin oleh ramai tokoh ulama' dan intelektual Melayu. Terdapat sederetan nama yang tidak asing ketokohan mereka dalam dunia persuratan tanah air dan ilmuan Islam yang mengisi ruang-ruang dalam majalah *Pengasuh*. Nama-nama seperti Haji Muhamad Yusof Awang Kenali (1918-1919), Dato' Laksamana Haji Muhamad bin Tok Khatib (1919-1933), Dato' Haji Ahmad Maher (1933-1935), Ahmad Adnan Ariffin (1946-1957), Hassan bin Haji Muhamad (1957-1961), Dato' Haji Ismail bin Yusoff (1964-1965), Drs. Abdul Ghani Azini bin Idris (1967-1971),<sup>8</sup> Dato' Haji Yusof Zaky bin Yaacob (1975-1996)<sup>9</sup> adalah gandingan antara tokoh ulama' dan intelektual Melayu yang telah menjayakan penerbitan majalah *Pengasuh* merentangi berbagai cabaran dalam era sebelum dan selepas merdeka.

Selain dari sederetan nama besar ketua pengarang majalah yang dinyatakan di atas terdapat nama-nama besar lain seperti Pendeta Zaaba, Dato' Mufti Haji Ibrahim, manakala tokoh-tokoh besar ulama' kontemporari yang menghiasi ruangan majalah *Pengasuh* seperti Prof. Dato' Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, Prof. Madya Mohd. Kamil Abdul Majid, Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Abdul Shukur, Ustaz Uthman el-Muhammady dan ramai lagi.

Dalam tempoh yang relatif panjang itu majalah *Pengasuh* sudah semestinya menampung berbagai aliran pemikiran hasil cetusan berasal penulis kolumnisnya. Kertas ini akan cuba membincangkan beberapa pandangan dan teguran yang termuat dalam dada *Pengasuh* sekitar tahun-tahun awal penerbitannya iaitu tahun 1918 hingga 1920. Dari keluaran sulong lagi, *Pengasuh* telah menampakkan bahawa ia bukanlah hanya sebuah majalah agama tetapi isinya sungguh luas merangkumi pengetahuan

<sup>8</sup> Abdul Razak Mahmud (1993), "Pengarang Majalah *Pengasuh* 1918-993", *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istaiadat Melayu Kelantan, bil. 528, Julai-Ogos 1993, h. 31-43.

<sup>9</sup> Razin. M.S (1999), "Takziah: Dato Yusof Zaky Dalam Kenangan", *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istaiadat Melayu Kelantan, bil. 557, Mac-April 1999, h.55.

am, sejarah, hukum hakam Islam, tata negara, ilmu politik, ilmu ekonoini, psikologi, ruangan bahasa Melayu, bahasa Arab dan ruangan soal jawab serta berita dari dalam dan luar negara.<sup>10</sup>

Asas penerbitan majalah Pengasuh tidaklah tertumpu kepada tujuan komersial dan keuntungan semata-mata. Hasrat MAIK yang sebenarnya ialah ingin menjadikan majalah Pengasuh sebagai lidah rasmi dalam menyebarkan pengajaran agama, nasihat dan teguran agama kepada orang ramai dalam usaha membina masyarakat Islam yang dinamik dan maju. Oleh yang deinikian, MAIK merasa bangga kerana majalah Pengasuh dapat dilangsungkan penerbitannya walaupun menghadapi berbagai masalah dan kerugian dari segi kewangan.<sup>11</sup> Antara matlamat utama penerbitan majalah ini adalah untuk mebina bangsa Melayu yang terhormat dan mempunyai jatidiri tinggi di tanah air sendiri. Lidah pengarang Pengasuh dalam terbitan pertama menyatakan akan hasrat dan tujuan penerbitan majalah ini seperti berikut:

*"Pada hari inilah permulaan hari bagi Pengasuh membukakan usaha kerana mengkhidmatkan umat Islamiah yang di dalam semenanjung Tanah Melayu mudah-mudahan menerima tiap-tiap seseorang dengan barang yang menunjukkan kasih dan mesra ... adalah selebih kemulian itu barang yang dipelihara akan dia di bawah pancaran segala bintang adab dan dipakaikan dengan pakaian tamadun dan didahuluiannya dengan suluhan ilmu ..." <sup>12</sup>*

Walaupun majalah *Pengasuh* telah mengalami berbagai cabaran rebah bangun dan perubahan demi perubahan dalam sejarah penerbitannya, namun sumbangannya tidak pernah berubah dari sebuah majalah yang berteraskan agama Islam yang menampung berbagai aliran pandangan ketua pengarangnya.

<sup>10</sup> Manzaidi Mohd Ainin (2001), "Sumbangan Majalah Pengasuh Tidak Pernah Berubah", *Utusan Malaysia*, 19hb. Jun 2001.

<sup>11</sup> Dato' Haji Muhamad Yusof bin Hasan (1964), *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1964*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 20. Dokumen tersimpan di Perpustakaan Islam MAIK dengan no. 93/0 1635.

<sup>12</sup> Dato' Seri Paduka Raja Mahmud bin Ismail (1918), "Pembukaan Pengasuh Tahun Yang Pertama", *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 1, 11hb. Julai 1918 bersamaan 1 Syawal 1336, h. 1-2.

### 3. Islam Sebagai Tunggak Bangsa Melayu

Sejarah perkembangan agama merupakan sejarah manusia itu sendiri. Kelahiran agama serentak dengan kelahiran manusia di muka bumi. Oleh itu sejarah agama adalah sejarah yang lama dan ianya berkembang seiring dengan perkembangan manusia, ini kerana sifat beragama merupakan fitrah semulajadi yang terdapat dalam diri setiap manusia. Sepanjang sejarah manusia kita dapatti ada di kalangan kelompok manusia hidup tanpa ilmu pengetahuan, teknologi dan tamadun tetapi tidak pernah didapati satu kelompok manusia pun yang hidup tanpa agama.<sup>13</sup>

Jika dilihat kepada perkembangan agama di Nusantara, gugusan pulau-pulau Melayu semenjak ribuan tahun lagi telah menjadi tempat tumpuan berbagai bangsa untuk bermula dan bertemu. Maka ia menjadi tempat pertemuan berbagai agama dan kebudayaan yang dibawa oleh bangsa-bangsa yang berhubung dengan masyarakat setempat. Agama-agama ini pernah menjadi agama rasmi negara di seluruh pelusuk bumi Melayu bermula dari agama pemujaan berhala, Hindu-Buddha dan akhirnya Islam telah bertapak dan menjadi sebatи dengan bangsa Melayu sehingga kini ia merupakan agama rasmi yang dianuti oleh majoriti umat Melayu.<sup>14</sup>

Islam telah dibawa ke Tanah Melayu dalam bentuk hubungan perdagangan kemudian menjadi hubungan keagamaan apabila pemerintah dan rakyat telah menerima Islam sepenuhnya.<sup>15</sup> Penyebaran Islam ke alam Melayu melalui jalan damai tanpa perang dengan mengambil tempoh dakwah yang panjang. Para pedagang yang datang berdagang di Tanah Melayu yang terdiri daripada ulama' dan ahli sufi mengambil kesempatan berdakwah dengan menunjukkan ketinggian budi dan kebaikan ajaran Islam kepada penduduk tempatan, disamping terdapat di kalangan mereka yang menggunakan pendekatan persempenaan iaitu mengahwini wanita tempatan.<sup>16</sup> Setelah sekian lama

<sup>13</sup> Muhammad 'Abdullah al-Darrar (1969), *al-Din: Durus Mumahhidah Ii Dirasat al-Tarikh al-Adyan*. Kaherah: Matbaah as-Sa'adah, h. 84-85.

<sup>14</sup> Wan Hussein Azmi (1979), *Pendakwahan Islam Dan Perkembangannya di Alam Melayu Dari Abad ke VII M - XVII M*. T.p: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, h. 2.

<sup>15</sup> Drs. Hasbullah Bakry (1963), *Tjatatan tentang Mula Masuknya Islam ke Indonesia*” (Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar “Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia”), Medan: Panitia Seminar Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia, t.t, h. 87.

<sup>16</sup> Wan Ngah bin Wan Dagang (1975), “Islam ke Alam Melayu Dibawa Ahli-ahli Sufi”, *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil.406, Mei 1975, h. 43.

para saudagar Islam berniaga dan tinggal dalam masyarakat Melayu akhirnya orang-orang Melayu mula tertarik dengan ajaran yang dibawa oleh para pendakwah ini sehingga mereka menukar agama lama kepada Islam.<sup>17</sup>

Setelah itu Islam telah menjadi agama yang dianuti oleh majoriti orang Melayu dan norma-norma ajarannya menjadi sebahagian dan asas organisasi sosial orang Melayu sejak zaman kerajaan Melayu Melaka malah lebih awal lagi. Islam juga menjadi dasar kebesaran kerajaan Melayu bukan sahaja dan segi kuasa politik bahkan dan segi beradaban yang mereka dirikan. Setelah itu, Islam telah membentuk jatidiri bangsa Melayu sehingga setiap sendi dan tulang kerangka budaya Melayu disulami dengan ajaran Islam. Kenyataan ini dapat dilihat dalam penjelasan perlombagaan Negara yang menyatakan bahawa Melayu itu adalah mereka yang beragama Islam.<sup>18</sup>

Pengaruh Islam amat ketara dalam adat dan tradisi Melayu yang dapat dilihat dengan jelas dan ungkapan pantun Melayu mengenai adat Melayu.

*Siapakah yang cerdik bijaksana?*

*Pertama: Datuk Perpatih*

*Kedua: Datuk Temenggung,*

*Yang mengetahui jalan dua terepar*

*Mana jalan dua terepar?*

*Pertama: jalan kerana Allah*

*Kedua: jalan kepada dunia<sup>19</sup>*

Memahami akan tunggak jati diri Melayu itu adalah Islam, maka para ulama' sentiasa menyeru umat Islam di Malaysia agar sentiasa menjaga dan menitikberatkan nilai-nilai Islam dalam segenap aspek kehidupan. Banyak teguran dan nasihat yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh pengarang Pengasuh dalam membina jati diri bangsa yang berteraskan Islam. Tok Kenali yang nama asalnya ialah Muhammad Yusof Ahmad<sup>20</sup> sering menekankan hal ini dalam tulisan-tulisannya sekitar tahun 1918 dan

<sup>17</sup> P.E. De Josselin De Jong (1963), *Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu*, Terj. Abdullah Hussain. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 42-45.

<sup>18</sup> Mohd. Taib Osman, et. al. (1989), *Masyarakat Melayu, Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 165.

<sup>19</sup> Muhammad Arif Ahmad (1993), *Bicara Tentang Adat dan Tradisi*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd, h. 5.

<sup>20</sup> Beliau dilahirkan pada 1870 di sebuah kampung yang bernama Kampung Kenali, Kubang Kerian, dalam daerah Kota Bharu, Kelantan. Beliau meninggal dunia pada 19hb November 1933.

1919 ketika beliau menerajui penerbitan Pengasuh. Antara saranan beliau ialah umat Islam haruslah menghormati para ulama' yang mengajar ajaran Islam. Menghormati ulama' bermaksud mematuhi serta mengamalkan segala ajaran yang dipandukan. Terdapat sesetengah kelompok yang cuba mepertikaikan usaha para ulama' dalam membina kembali tamadun Melayu Islam di tanah air dengan alasan bahawa ulama' hanya mengajar ajaran agama yang lapuk.

Kelemahan bangsa Melayu tidak seharusnya dipersalahkan kepada para ulama' semata-mata "pada halnya bagaimanalah orang-oarang alim itu hendak memperbuat, apabila orang yang mendengar tiada mengamat-amati akan nasihat dan ajarannya".<sup>21</sup> Untuk memberi gambaran yang baik terhadap jatidiri bangsa Melayu seharusnya orang Melayu memegang teguh ajaran agama dengan "... menurut nasihat yang muafakat dengan syarak ataupun tiada melawan syarak, dan syugia bagi kita membuat pekerjaan yang tiada menunjukkan bahawa kita ini daripada bangsa yang tiada baik".<sup>22</sup>

Perhatikan satu petikan dalam ruangan *Pengasuh* keluaran 20 Oktober 1918 yang memperkatakan mengupas kelemahan bangsa Melayu adalah disebabkan kurangnya penghayatan dan pengetahuan di kalangan rakyat:

*Sayugia jangan kamu terima perkataan setengah daripada kaum kita yang jahil yang mengatakan hati Melayu itu terlebih busuk daripada hati bangsa lain. Bahawa sungguhnya kejadian manusia itu ialah sama seluruh dunia ini dan terkandung di dalamnya akal dan hawa nafsu yang tiada berlebih-kurang baik jahatnya. Maka perbezaan di antara kita Melayu ini dengan orang-orang sebelah barat seperti Inggeris, Perancis dan lain-lain bangsa yang duduk pada saf hadapan di dalam medan siyasah, pertukangan, perniagaan dan sebagainya itu ialah terbitnya daripada ketiadaan pelajaran di antara kita. Maka penyakit kita yang kita Melayu telah menghidap beberapa lama dari zaman datuk nenek sampai ke zaman kita ini ialah ketiadaan pelajaran. Dan di dalam alam ini itulah penyakit yang terlebih besar dan membawa kepada kita beribu-ribu mudarat. Maka otak kita manusia ini hendaklah diasah lebih kurang*

<sup>21</sup> Muhammad Yusof Kenali (1918), "Menjernih Kekeruhan", *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 3, 8hb. Ogos 1918 bersamaan 1hb. Zulkaedah 1336, h. 3-4.

<sup>22</sup> *Ibid.*

*ibaratnya sama juu seperti sebilah pisau dan batu pengasahnya ialah pelajaran.*

Rencana ini juga menganjurkan masyarakat Melayu menguasai semua ilmu dan kepandaian termasuklah berbahasa. Tiada pandangan yang prajudis terhadap mana-mana bahasa walaupun bahasa itu adalah bahasa yang menjajah bangsa Melayu.

*Maka yang terlebih afdal bagi kamu ialah belajar yakni menuntut ilmu, jika kamu masih muda dan jiakalu dirimu sendiri telah tua serahkan anakmu belajar ilmu terutama menulis dan membaca bahasa kamu sendiri dan bahasa Inggeris dan bahasa Arab, kerana jika dapat ditawan pemburuan yang tiga ini niscaya mudahlah anakmu mentadbirkan kehidupannya sendiri seperti menuntut kemulian dan kemegahan dunia akhirat dengan kebaktian kepada Allah, raja negeri dan kaumnya. Adapun faedah mengetahui bahasamu sendiri itu tentulah sedia maklum kepada kamu. Dan faedah mengetahui bahasa Inggeris itu amat banyak. Oleh sebab itu jangan kamu percaya perkataan orang jahil yang mengatakan menuntut bahasa Inggeris itu mengeramkan iman kamu bahkan sebenarnya belajar bahasa asing itu disuruh oleh syara kerana hadith Nabi kita menyuruhnya. Pertama-tama negeri kita ini dinaungi oleh Inggeris dan wajiblah kamu ketahui akan bahasanya jika berhajat kamu pada mengetahui undang-undang dan adat resamnya. Keduanya ada beberapa banyak kitab-kitab bahasa Inggeris yang mengadungi berbagai-bagai ilmu yang sangat berguna kepada kamu dalam hal mencari kehidupan seperti berkebun, bermiaga dan lain pekerjaan. Dan kelebihan mengetahui bahasa Arab ialah dapat orang yang mempunyai ilmu itu membaca beberapa banyak kitab-kitab yang bergantung dengan dia agama kita Islam dan undang-undang syariat yang tidak tertulis di dalam bahasa lain dan tidak dapat difikir-fikirkan dengan akal sahaja. Maka pendeknya orang muda zaman ini tidak cukup kelengkapan hendak masuk gelanggang siyasah atau perniagaan jika tiada padanya senjata yang tiga itu menghadap musuhnya.*

Pada zamannya pernah terdapat beberapa segelintir orang Melayu yang tidak banga dengan apa yang dimiliki oleh bangsa Melayu. Mereka berfikiran bahawa perkataan Melayu yang menjadi nama bangsa bertuah ini membawa maksud yang pasif dan sial. Mereka mengatakan bahawa "Melayu" berasal dari kata imbuan (Me + Layu

= Melayu) yang bermaksud sudah tidak segar dan tidak bermaya.<sup>23</sup> Tok Kenali tidak bersetuju dengan pandangan ini yang mengaitkan kelemahan orang Melayu disebabkan dengan kesialan yang terdapat pada makna bangsanya. Apa yang perlu bukanlah mengubah nama bangsa tetapi yang lebih penting mengubah sikap dan menambah ilmu serta kemahiran setiap individu masyarakat. Beliau menegaskan mengenai hal ini dengan katanya.

*“... akan tetapi pada fikiran kita tiada berhajat daripada menukarkan nama Melayu itu daripada bangsa kita; kerana kita tengok orang yang mendiami di dalam bulatan dunia ini tiadalah sukacita mereka itu pada pemikiran jalan mengubah nama bangsanya kepada nama yang lain. Hanya yang kita lihat mereka itu mengalihkan tapak keadaannya kepada menambahkan pelajaran dan kepandaian. ... walhal ada juga anak Eropah yang menyaksikan bahawa anak Melayu ini otaknya sama dengan Jepun.”<sup>24</sup>*

Dalam usaha mengukuhkan kekuatan bangsa Melayu di tanah air, Tok Kenali menyarankan agar hubungan antara akal dan emas<sup>25</sup> harus disatukan dengan seeratnya. Dalam mengambarkan betapa pentingnya ilmu yang berserta dengan harta dalam membina tamadun beliau mengungkapkan sebuah syair yang berbunyi:

فَصَاحَةُ حَسَانٍ وَخَطْ بْنِ مَقْلَةِ  
وَحِكْمَةُ لَقْمَاءِ وَدَادِ بْنِ أَدْهَمٍ  
إِذَا أَجْعَتُ فِي الْمَرْءِ وَالْمَرْأَةِ مَفْلِسٍ  
يَنْدَادِي عَلَيْهِ الْأَتْبَاعُ بِدْرَهْمٍ

*Kehebatan bersyair pada Hassan, Kecantikan tulisan pada Ibn Maqlah,  
Kepintaran Luqman dan kezuhudan Ibn Adham,  
Jika terhimpun empat perkara ini pada seseorang sedangkan dia tidak berwang,  
Tiadalah dia laku barang sekupang.<sup>26</sup>*

<sup>23</sup> Abdullah al-Qari Haji Soleh (1998), “Tok Kenali Dalam Bidang Pentadbiran Dan Siyasah”, *Majalah Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 555, November-Disember 1998, h. 46-47.

<sup>24</sup> *Ibid*, h.47.

<sup>25</sup> Yang dimaksudkan dengan akal ialah ilmu pengetahuan dan emas pula bermaksud harta.

<sup>26</sup> Muhammad Yusof Kenali (1918), “Soal Dan Jawab”, *Majalah Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 9, Shb. November 1918 bersamaan 1 Safar 337, h. 1.

Tiada gunanya ilmu yang mengunung jika ilmu itu tidak dapat dipergunakan lantaran ketiadaan wang yang membantu. Seruan itu mengajak golongan hartawan berganding bahu dengan golongan ilmuan Islam membina kembali tamadun Melayu-Islam. Adalah sukar untuk berhimpun pada diri seorang itu dua keutamaan iaitu harta dan ilmu. Tegas Tok Kenali gabungan ini akan menjadikan orang Melayu itu kuat.

*“...nampaknya pada fikiran saya orang yang hendak jadi hebat berhajat kepada ilmu dan harta maka dua sifat ini hendak herhimpun pada satu orang daripada masa kita ini sangatlah payahnya. Setengahnya ada ilmu tiada harta dan setengahnya ada harta tiada ilmu. Dan antara ahli harta dengan ahli ilmu itu sangatlah berkhilaf tujuannya”<sup>27</sup>*

Untuk menjayakan proses pendidikan bangsa Melayu, segenap lapisan masyarakat perlu berkongsi hasrat dan rasa kebertanggungjawaban dengan menyumbangkan harta, tenaga dan apa sahaja yang mereka miliki bagi tujuan tersebut:

*Seperkara lagi yang setahu kita belum lagi pernah berlaku di dalam Semenanjung Tanah Melayu ini (kecualikan Johor dan Negeri-negeri Selat) ialah orang kaya-kaya mewakafkan atau mengkhairatkan harta bendanya bagi manfaat umum bagaiaman yang telah lazim berlaku di negeri-negeri Eropah dan amerika dan lain-lain negeri yang bertamaddun, setengahnya daripada masa ada lagi hayat tuan punya harta itu dan setengahnya apabila mereka itu mati, ialah seperti memberikan mereka itu satu bahagian atau semua harta bendanya kerana membuka tempat-tempat pelajaran atau rumah sakit (hospital) dan sebagainya bagi pergunaan orang ramai- maka bukankah yang demikian itu perbuatan sehabis-habis mulia dan kepujian dunia dan akhirat dan sepatutnya terbit daripada agama Islam?<sup>28</sup>*

Zaaba menyarankan agar pengembangan pendidikan dalam masyarakat Melayu menggunakan pendekatan serampang dua mata, iaitu melahirkan karya asli dari ilmuan Melayu dan disamping itu mengalakkan penterjemahan ilmu-ilmu dan penemuan dari

<sup>27</sup> Muhammad Yusof Kenali (1918), “Seruan”, *Majalah Pengasuh*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 5, 7 September 1918 bersamaan 1 Zulhijjah 1336, h. 3.

<sup>28</sup> Pengasuh 19 November 1918 m/s 1.

bahasa asing ke dalam bahasa Melayu. Beliau menyarankan agar usaha-usaha awal ke arah memperbanyakkan sumber ilmu selain daripada mewujudkan pusat-pusat pengajian ialah kerja-kerja penterjemahan.

*Maka sungguhnya terjemah-menterjemah inilah langkah pertama yang telah diambil oleh pemerentah-pemerentah dan pendita-pendita yang maju bangsa-bangsanya sekarang ini tatkala bangsa-bangsa ini lagi jauh daripada bau-bauan tamaddun dahulu. Bahkan hingga hari ini pun pendita-pendita mereka itu tiada khali [diam] daripada berbuat demikian lagi, melainkan berkekalanlah mereka itu berlumba-lumba dan bermegah-megah pada menterjemah ke bahasa kaum masing-masing akan tiap-tiap barang yang molek yang didapatnya pada bahasa-bahasa lain. Maka tiadalah syak bahawa perbuatan ini satu daripada sebab-sebab yang telah menambah-nambahkan mara pelajaran ummat mereka itu dari semenjak ada mereka itu dalam keadaan seperti kita sekarang hingga sampai ke masa ini, berpanjangan ke masa yang akan datang.<sup>29</sup>*

#### 4. Bahasa Melayu

Bahasa Melayu adalah jiwa bangsa orang-orang Melayu. Pertarungan antara bahasa Melayu dan bahasa Jawa amat sengit untuk menjadi bahasa perantara di kepulauan Nusantara. Dengan kedatangan Islam dan penggunaan banyak istilah Arab menyebabkan bahasa Melayu mampu menampung kesemua maksud ajaran Islam. Selain dari itu, penggunaan aksara Arab dalam tulisan Jawi turut membantu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan.

Zaaba banyak membincarakan mengenai kepentingan memelihara dan memupuk perasaan bangga terhadap bahasa ibunda. Beliau menyarankan agar bangsa Melayu terlebih dahulu mempelajari bahasa mereka sebelum mempelajari bahasa-bahasa lain untuk kepentingan tertentu. Beliau mengkritik sikap sesetengah orang Melayu yang mendahulukan mengaji bahasa asing sedangkan mereka mengabaikan bahasa sendiri. Petikan sajak yang pernah dinukilkan oleh Zaaba ini mengambarkan betapa tinggi harapan beliau agar orang Melayu menjaga dan berbangga dengan bahasa sendiri untuk mengekalkan jatidiri bangsa.

<sup>29</sup> Artikel oleh Patriot. Pengasuh Ihb Februari 1919.

Sajak ini diberi nama “Belajar Bahasa Sendiri”<sup>30</sup> disamping beberapa sajak lain yang dikarang oleh beliau dalam majalah Pengasuh untuk mengajak bangsa Melayu berbangga dengan warisan ibunda dan bangkit membina maruah bangsa. Penulisan artikel ini oleh Zaaba adalah kerana terdapatnya beberapa sikap memperlekeh nilai bangsa sendir oleh anak Melayu yang kononya sudah berpendidikan dan pandai. Sikap ini menyebabkan telah timbul rasa hina diri terhadap warisan sendiri dan sikap memperlekehkan bahasa ibunda kerana terlalu mengagungkan bahasa Inggeris dan bangsa eropah yang dianggap sebagai bahasa dan bangsa yang maju.

*Adapun yang berkenaan dengan percakapan maka keraplah kita mendengar anak-anak Melayu yang tahu bahasa Inggeris atau Arab atau sebagainya, bila mereka bercakap dengan sama sebangsanya, selalulah digunakan bahasa yang lain daripada bahasanya sendiri, seolah-olahnya bahasa Melayu itu suatu bahasa yang pelek. Dan bahasa asing itulah yang molek daripada bahasanya. Maka hendaklah anak-anak Melayu kita cuba berfikir, bahawa percakapan dengan bahasa asing itu - bila ia bercakap sama sebangsanya (Melayu), apakah pemandangannya di sisi orang asing ? Adakah diakatakan ia bukan anak Melayu? Adakah dikatakan ia pandai, bijak dan petah di dalam bahasa asing? Adakah menjadi kemuliaan yang besar padanya ? . Maka pada fikiran kita tentulah si asing itu tiada berkata lain daripada : “Melayu ini mengada-ngada”. Dan tentulah si asing itu benci belajar percakapan Melayu dengan katanya; “alangkan anak-anak Melayu sendiri tiada mahu bercakap dengan bahasanya sendiri, apatah lagi aku, tiadalah guna ku belajar bahasa yang hina ini”Dan, dan.. Maka hendaklah anak-anak melayu ketahui , jika kau kita sendiri benci akan bahasa kita, apatah lagi orang lain. Sebenarnya kita berkata bahawa “bahasa itu menunjuk di atas bangsa”. Jika kita kasih dan permuliakannya niscaya termulia dan dimuliakan bangsa kita, dan ‘akas dengan ‘akas.<sup>31</sup>*

Kerisauan Za'aba terhadap wujudnya ‘trend’ songsang di kalangan golongan terpelajar Melayu ini diabadikan dalam madah-madah syairnya.

<sup>30</sup> Za'ba (1922), “Belajar Bahasa Sendiri”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Istimadat Melayu Kelantan, bil., Rabu 15hb. Syaaban 1340 / 12hb. April 1922, h. 3-4.

<sup>31</sup> Pengasuh. 29hb Januari 1922.

Suatu pesan biar ku beri  
Hendaklah tuntut bahasa sendiri  
Arti yang lain ialah bahasa  
Jajahlah serta sendiri desa  
Sugianya ianya terlebih perlu  
Sekurang-kurang putting dan hulu  
Setelah pandai baca dan tulis  
Baharu palingkan ke lain majlis  
Layanlah jika ada berhimpun  
Arab Inggeris Cina atau pun  
Khususan kaum Melayu  
Tubuh bahasanya sakit merayu  
Dari dahulu sampai sekarang  
Bahasa sendiri belum berderang  
Anaknya belum tentu pedoman  
Sudahlah nahu diperidaman  
Nahu dirinya dimudah-mudah  
Semua ku nampak terang terdedah  
Banyaklah pula berpura tahu  
Huruf dan arud jauh di bahu  
Fikir demikian nyata salahnya  
Berbangsa Melayu apa gunanya  
Jika Melayu belum ketahuan  
Apakah jasa apa bantuan  
Selama ini kita nan jahil  
Celik sedikit leka "setail"  
Ikan di sungai tinggal terbiar  
Ke sana ke sini hentak sekuyar  
Celik yang lain semacam lagi  
Belajar Melayu hanyalah rugi  
Itulah sebab selama ini  
Bahasa mu kekal juga begini  
Kitab-kitabnya masih di mana  
Kisah cerita ibarat berguna  
Bahkan banyak bilangan ada  
Syair hikayat berbagai benda  
Isinya miskin tidak seperti

kepada bangsa wahai bistari  
jangan yang lain sahaja kejari  
Arab, Inggeris, Cina, Prancis  
baharu yang lain boleh berjasa  
dari yang lain diambil dahulu  
pegangkan sampai mahir dan calu  
karang mengarang lapah dan liris  
mengaji Arab atau Inggeris  
dengan bahasa mu kumpul serumpun  
satu sekolah Melayu Jepun  
rebuak termashyur kering dan layu  
mereka leka lalpa dan luyu  
tamak Melayu belumlah kurang  
sudah hendakkan bahasa orang  
bahasa Melayu pusaka zaman  
ataupun Inggeris bahasa gabarman  
pikirnya senang apa ku indah  
lagipun tidak banyak faedah  
konon Melayu tidak bernahu  
banyak memasak haram tak tahu  
bodoah dan loba ada padanya  
jika tak hirau nyawa bahasa  
padahal Melayu bangsa mu tuan  
dapat mu beri watan yang rawan  
tidak mengenal kati dan tahil  
manalah pula boleh mengail  
jala dan jaring di tangan liar  
hutang sebangsa tidak terbayar  
perkara dunia tidak berdahagi  
tidak beroleh pahala yang tinggi  
berapa ulama' berapa kerani  
papa kerama bagaikan fani  
kamus dan nahu tarikh rencana  
siapakah boleh beri sempurna  
kitab dan surat berganda-ganda  
tetapi sangat belum memada  
tidaklah boleh meluaskan hati

Atau mengangkat laku pekerti  
Matanya sama lebih dan kurang  
Ketiga sakti bukang sebarang  
Zamannya “zaman dahulukala”  
Puterinya baik paras segala  
Inikah boleh jadi pengasuh  
Tidakkah itu menjadi musuh  
Itulah sebab pesan ku ujar  
Jangan yang lain sahaja dikejar  
Bahasa yang fakir siapa menolong  
Tidak hiraukan apa pun lolong  
Terima kasih pendeta barat  
Datang ke sini berbuat khairat

fikiran tinggi sukar didapati  
pertama puteri keduanya perang  
pelik membunuh ‘iqabnya orang  
tidak bertarikh ekor kepala  
orang melihat semuanya gila  
pengubat busuk kotor pembasuh  
menanam cabul menambah rusuh  
bahasa sendiri hendak belajar  
akhimya diri juga yang pijar  
jika yang punya tidur bergelung  
minta bantuan suluh dan tanglong  
Winsteth Wilkinson ilmunya sarat  
membunggar jalan kitab dan surat

## 5. Kesimpulan

Dari apa yang telah dinyatakan di atas, nyatalah bahawa kegusaran yang melanda bangsa Melayu hari ini adalah hilangnya nilai warisan yang telah berakar umbi sejak zaman sebelum merdeka lagi. Oleh kerana jalan pulang hanya satu sahaja, maka setiap kita bertanggungjawab membawa dan mengembalikan generasi kini kepada asal usul kita yang sebenar iaitu Islam dan bahasa Melayu. Kelemahan yang menimpa orang Melayu bukanlah kerana sial dek terkena sumpahan nenek moyang, sebaliknya sikap yang hanya ingin berpeluk tubuh tanpa usaha dan mudah terpengaruh dengan budaya bangsa asing menjadikan orang Melayu hina di tanah air sendiri.

Terdapat banyak seruan dan teguran yang tidak mungkin dinyatakan dalam ruangan yang terhad ini oleh para pengarang *Pengasuh* untuk membimbing anak bangsa ke arah kecemerlangan tamadun Malaysia. Namun diharapkan dengan perbincangan ringkas ini dapat membuka mata dan mengembalikan rasa bangga kita dengan apa yang dimiliki